

Headline	IPT lahirkan tenaga mahir di Sarawak		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	115,967
Page No	A11	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	550 cm ²
Journalist	FIRDAUS HASSAN	AdValue	RM 4,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,346



IPT lahirkan tenaga mahir di Sarawak

FIRDAUS HASSAN

Kehadiran Universiti Teknologi Swinburne dan Universiti Curtin Sarawak memantapkan lagi budaya ilmu di Bumi Kenyalang

KERAJAAN negeri tetap memberikan keutamaan dalam soal pendidikan sebagai langkah untuk melahirkan tenaga kerja mahir di Sarawak dengan menyediakan peluang buat golongan muda tempatan melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta di sini.

Selain memiliki IPT seperti Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Sarawak, negeri Bumi Kenyalang ini juga mempunyai 36 IPTS sama ada pada peringkat universiti mahupun kolej swasta.

Ini merupakan cerminan kesungguhan kerajaan Sarawak dalam meningkatkan mutu pendidikan di negeri ini selaras dengan pembangunan pesat negeri yang berkehendakkan tenaga kerja bermutu dan berketerampilan tinggi dalam semua bidang.

Lebih-lebih lagi pada ketika ini, Sarawak mula cuba meletakkan dirinya maju dalam arus pembangunan berteknologi tinggi dan melalui pengajian tinggi yang sedia ada.

Sudah pasti langkah tersebut akan melahirkan graduan yang menyumbang kepada pembangunan khususnya sektor ekonomi dan sumber manusia di negeri ini.

Selain di universiti, ramai yang mengikuti pengajian peringkat kolej komuniti seperti di Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Cawangan

Betong dan Kolej Komuniti Cawangan Santubong.

Tidak cukup dengan kolej-kolej tersebut, pengajian di semua peringkat politeknik juga turut ditawarkan kepada pelajar yang mahu memfokuskan dalam bidang-bidang kemahiran.

Perkembangan ini membuktikan masyarakat tempatan Sarawak sememangnya tidak ketinggalan dalam arus perdana pengajian tinggi bahkan ia dipertingkatkan dari semasa ke semasa ke arah melahirkan modal insan tempatan yang berkualiti untuk keperluan negara.

Selain universiti awam serta kolej yang ditawarkan oleh kerajaan, negeri ini turut mempunyai Universiti Teknologi Swinburne cawangan Sarawak yang mampu melahirkan pelajar berkualiti.

Saban tahun jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di universiti ini kian meningkat, jadi kerajaan negeri sentiasa memberi komitmen tinggi dalam membantu institusi tersebut untuk meningkatkan kualiti pendidikannya.

Malah, kerajaan negeri bersedia menyediakan tapak tanah di Samarahan untuk pembangunan institusi pengajian terbabit sekiranya ada keperluan.

Universiti Curtin Sarawak Malaysia (Curtin Sarawak) turut menerima tempas daripada usaha baik kerajaan dalam memperkenalkan budaya ilmu kepada rakyat.

Kecemerlangan Curtin Sarawak berjaya menarik minat sebuah universiti tertua di China, Universiti Jinan (UJ) untuk bekerjasama dari segi pengurusan dan pentadbiran kampus cawangan pada September 2010.

Pusat Biodiversiti Curtin Sarawak turut menjalankan penyelidikan ke atas 60,000 perahan cecair dan getah daripada pokok serta tumbuhan di hutan negeri ini bagi menghasilkan Callanoid dan


Silbestrol.

Callanoid (anti-HIV) yang dihasilkan daripada getah pokok bintangor dan Silbestrol (antikanser) dipercayai mampu dijadikan ubat, vaksin dan antivirus pelbagai penyakit seperti AIDS dan kanser.

Penyelidikan ini bertepatan dengan visinya untuk muncul sebagai antara 20 universiti terbaik di Asia menjelang 2020.

Senarai universiti di Sarawak

- Universiti Malaysia Sarawak
- Universiti Teknologi Mara
- Universiti Teknologi Swinburne
- Universiti Curtin Sarawak
- Kolej Politeknik
- Empat cawangan kolej komuniti



KERAJAAN negeri serius dalam melahirkan tenaga mahir. – Gambar hiasan

Headline	IPT lahirkan tenaga mahir di Sarawak		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	115,967
Page No	A11	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	550 cm ²
Journalist	FIRDAUS HASSAN	AdValue	RM 4,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,346



KAMPUS Universiti Teknologi Mara di Kota Samarahan.



SEBAHAGIAN pelajar baharu institusi pengajian tinggi di Sarawak melafaz ikrar pada minggu suai kenal.



SEORANG pelajar menunjukkan seni kreatif yang dihasilkannya di Kuching.